

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

SOALAN NO. 326

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan senarai syarikat-syarikat pengeluar produk pemakanan dan keperluan harian masyarakat yang dimiliki oleh usahawan Bumiputera mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Merujuk kepada Laporan Banci Ekonomi 2016 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, 98.5% pertubuhan perniagaan di Malaysia adalah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Daripada jumlah tersebut, 38.5%, iaitu 354,699 PKS adalah syarikat Bumiputera.
2. Kementerian Pembangunan Usahawan melalui SME Corp. Malaysia mengguna pakai kaedah diagnostik iaitu Penarafan Daya Saing PKS bagi Peningkatan (SCORE) untuk mengukur daya saing dan keupayaan syarikat-syarikat PKS di peringkat firma. Berdasarkan data SCORE tersebut, sehingga kini terdapat lebih 17,000 syarikat Bumiputera di seluruh negara telah dinilai dalam pelbagai bidang seperti perkhidmatan, pembuatan makanan dan minuman, pengangkutan, pembinaan dan kosmetik.

3. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,053 syarikat usahawan Bumiputera yang terlibat dalam sektor makanan dan minuman dengan pecahan mengikut negeri seperti berikut:

Bil.	Negeri	Bilangan PKS Bumiputera
1.	Selangor	194
2.	Kelantan	137
3.	Terengganu	103
4.	Melaka	86
5.	Kedah	78
6.	Johor	72
7.	Negeri Sembilan	65
8.	Pulau Pinang	64
9.	Perak	56
10.	Wilayah Persekutuan	56
11.	Sarawak	47
12.	Sabah	39
13.	Pahang	36
14.	Perlis	20
Jumlah		1,053

Tuan Yang Dipertua,

4. Kementerian Pembangunan Usahawan komited untuk memperkukuhkan rantai bekalan industri makanan melalui galakan penyertaan usahawan dalam sektor ini. Pada tahun 2019, Kementerian telah menyediakan platform promosi dan pemasaran bagi sektor makanan dan minuman melalui penganjuran program seperti:

- i. Program Malaysia Halal Expo 2019 pada 24 hingga 26 Januari 2019, yang melibatkan 155 usahawan;
- ii. Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) Perak dengan penglibatan 27 usahawan;

- iii. Program SDSI Zon Timur dengan penglibatan 65 usahawan dan
- iv. Program SDSI Zon Selatan dengan penglibatan 65 usahawan.

5. Selain daripada itu, Kementerian juga sedang menambah baik dan menjenamakan semula program-program pembangunan kapasiti usahawan dan produk seperti Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dan Program Groom Big.

Sekian, terima kasih.